

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI DEWAN PEMBANGUNAN TUN RAZAK, KUCHING, SARAWAK, PADA 31HB OGOS, 1973

Y.A.B. Datuk Haji Abdul Rahman Yaakub,¹ Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara sekalian,

Saya sungguh merasa terharu dengan sambutan yang begitu meriah dan beranikawarna semasa ketibaan saya beserta isteri saya dan rombongan sebentar tadi. Sudah beberapa kali saya datang ke Kuching dan yang terakhir pada bulan Mei lalu tetapi inilah rasanya peristiwa sambutan gilang-gemilang dan sukar dilupakan seumur hidup saya.

Sesungguhnya saya merasa amat terhutang budi kepada semua pihak dan inginlah saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terimakasih kepada Datuk Abdul Rahman dan rakan-rakannya dalam Kerajaan Sarawak kerana sudi menjemput saya berdua serta memberi saya penghormatan besar—pertama menamakan Dewan ini dengan nama saya dan kedua untuk merasmikan pembukaannya dalam bidang perayaan ini.

Pada hemat saya, upacara yang gemilang ini mempunyai makna yang jauh lebih besar daripada upacara perasmian Dewan yang indah ini sahaja oleh kerana hari yang mulia ini membawa dua buah kepada kita semua iaitu menandakan hari ulangtahun ke enam belas Kemerdekaan negara kita dan kepada rakyat Sarawak khususnya tahun ini genap sepuluh tahun penubuhan Malaysia yang memberikan mereka taraf dan kemuliaan sebagai rakyat yang merdeka.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya saya dapat bersama-sama menyambut hari yang berbahagia ini dengan rakyat di Sarawak yang datang dari segenap pelusuk Negeri ini. Sungguhpun pada masa yang sudah-sudah, saya telah berpeluang menemui saudara-saudara baik di Kuching ini ataupun di Sibul, di Kapit atau di Bintulu dan di Miri, saya rasa kesempatan ini sangatlah istimewa bahkan untuk seumur hidup—once in a life time—oleh kerana waktunya dan suasana yang riang gembira serta bersejarah bagi kita semua.

¹ Y.B. Ketua Menteri Sarawak.

Bagi rakyat Sarawak dan juga Sabah, kemerdekaan menerusi Malaysia bukanlah satu perkara yang senang tanpa halangan oleh kerana adanya cabaran dari rejim Sukarno yang menentang hebat gagasan Malaysia pada masa itu. Syukur Alhamdulillah, cabaran itu telah kita atasi dengan jayanya yang membolehkan rakyat di Sarawak dan Sabah kemudian menumpukan usaha dan tenaga terhadap pembangunan negara untuk mengisi kemerdekaan itu.

Saudara-saudara sekalian,

Dengan latar belakang sejarah yang saya katakan tadi, Dewan Pembangunan ini mempunyai tempat dan kedudukan istimewa sebagai lambang hasrat dan cita-cita rakyat Sarawak yang inginkan kemakmuran dan kebahagiaan saya amat gembira mengenangkan kembali betapa kuat serta tingginya keazaman rakyat Sarawak menghadapi kesulitan-kesulitan yang timbul akibat ancaman musuh semasa konfrantasi dulu dan ancaman anasir-anasir jahat yang berterusan hingga hari ini. Walau bagaimanapun, kesulitan dan rintangan itu sama sekali tidak menghalang usaha-usaha pembangunan yang bertujuan membawa harapan baru dan hari depan yang cerah kepada rakyat Sarawak.

Pimpinan yang dinamis dan penuh dedikasi setelah terbentuknya Kerajaan Campuran pada tahun 1970 di bawah ketuanan Y.A.B. Datuk Haji Abdul Rahman Yaakub menjadikan harapan itu satu kenyataan yang tidak boleh disangkal lagi bahkan jelas kemajuan yang berjalan sejak itu amat mengagumkan. Saya katakan demikian kerana Sarawak mempunyai berbagai masalah yang jauh berbeza dari negeri-negeri lain di Malaysia—masalah politik dalam negeri, masalah perhubungan, masalah rakyat berbagai suku dan kaum, dan yang amat berat sekali masalah keselamatan. Untungnya rakyat Sarawak mempunyai tekad yang bulat dan negeri ini kaya dengan segala rupa kekayaan alam iaitu hutan rimba dan isi buminya.

Pada hemat saya, kemajuan dan perkembangan yang berlaku di sekeliling kita selama tiga tahun ini bukan saja meletakkan Sarawak antara negeri-negeri yang terkedepan bahkan menjadikannya sebuah negeri contoh kemajuan dan perpaduan rakyat yang berazam hendak menebus kembali zaman gemilangnya pada masa silam dahulu. Tidak syak lagi, Dewan pembangunan ini kelak akan merupakan nadi kemajuan ekonomi dan sosial yang pesat, yang

akan meningkatkan taraf serta kedudukan ekonomi mereka se-tanding dengan rakyat negara-negara yang sudah maju.

Semasa lawatan saya bulan Mei lalu, saya mendapat gambaran yang amat menarik hati terutama berhubung dengan rancangan perindustrian kayu yang akan dijalankan di kawasan Bintulu di mana bandar-bandar baru akan muncul dan pekan-pekan yang pada masa ini jauh di pedalaman seperti Belaga dan Kapit akan dihubungi oleh jalanraya, dan tidak lagi bergantung pada perhubungan sungai seperti pada masa ini. Tidak salah kalau saya katakan iaitu pusat pertumbuhan ekonomi Sarawak akan beralih ke kawasan Bintulu dan sekitarnya. Gambaran yang indah ini barangkali dapat dilihat semasa tempoh hidup kita sendiri.

Bagaimanapun, saya diberitahu perkembangan sekitar bandar Ibu Negeri Kuching ini akan terns meningkat dengan pemajuan kawasan di seberang sungai Sarawak di mana dua hari dahulu Y.T.M. Tunku telah meletakkan batu asas untuk bangunan Kerajaan yang baru mengambil sempena nama behau sendiri. Dengan siapnya pelabuhan di Pending di samping lapangan terbang baru kelak, Kuching akan memainkan peranan penting sebagai gateway ke Malaysia sebelah sini di bidang perdagangan dan pelancungan.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita juga Sarawak melihat kemajuan yang pesat di bidang pelajaran. Pembangunan tidak dapat berjalan lancar tanpa perkembangan yang sama serentak di bidang pelajaran, yang di-sifatkan sebagai "investment of human resources" untuk menjamin persediaan tenaga manusia yang terdidik dan terlatih sebagai pentadbir, perancang, business executives, engineers, doctors, pen-didik, tenaga mahir, peladang dan seterusnya. Dalam context ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana memberikan emphasis kepada pembangunan tenaga manusia menerusi pendidikan yang menyeluruh iaitu memupuk kekuatan jasmani dan rohani sekali supaya menjadikan manusia yang bersemangat tinggi dan lengkap sempurna. Inilah salah satu daripada "tujuh matlamat Kebangsaan Kerajaan Campuran Sarawak"—seven national objectives of the Sarawak Coalition Government.

Perkembangan terakhir iaitu dengan meluaskan kampus ITM ke Kuching adalah satu langkah yang bijak supaya lebih ramai lagi tenaga manusia terlatih dapat disediakan bagi memenuhi keperluan

di bidang industri, perdagangan dan lain-lain lagi. Sebagai negeri yang kaya dengan kayu-kayan dan pertanian, saya melihat kemungkinan meluaskan scope Universiti Pertanian di Serdang ke Sarawak ini dengan menubuhkan institute atau college yang bergabung dengan Universiti itu.

Saudara-saudara sekalian,

Kemajuan yang kita capai dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua sangat memuaskan terutama pada segi physical development. Sarawak tidak ketinggalan dalam hal ini, khasnya dalam pembangunan jalanraya yang akan menghubungkan seluruh negeri ini dari Tanjung Datu hingga ke Limbang dan seterusnya ke Sabah. Begitu juga pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang meskipun merupakan satu proses yang mengambil masa, pasti akan membawa perubahan besar kepada rakyat Bumiputra yang pada masa ini kebanyakannya masih diam di ulu-ulu sungai yang jauh terpencil di pedalaman. Saya percaya saudara-saudara kita daripada kaum Iban, Kenyah, Bidayuh dan Punan akan dapat menikmati kemewahan hidup seperti orang-orang lain di Malaysia ini.

Seperti yang saya katakan tadi, Dewan Pembangunan dan Pamiran ini adalah lambang kemakmuran rakyat Sarawak pada masa hadapan di samping merupakan tambahan kepada keindahan dan identiti bandar Kuching sebagai Ibu Negeri Sarawak. Saya ingin Dewan ini digunakan dengan sepenuhnya semuga dengan usaha kita yang bersungguh-sungguh dan sebulat kata untuk menggerakkan Sarawak ke arah kemakmuran dan kemajuan demi kepentingan jenerasi kita yang akan datang.

Dengan nama Allah Yang Maha Kuasa serta Pengasih dan Penyayang saya sukacita merasmikan Dewan Pembangunan ini sambil berdoa mudah-mudahan segala usaha kita itu akan diberkatiNya pada sepanjang masa.